

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Neo Yee Pan menggesa sektor pembinaan menggunakan konsep modular yang dapat mengurangkan kos bangunan, menjimatkan masa dan tenaga pekerja.

"Konsep itu mengutamakan penyelarasan kerja di kalangan mereka yang terlibat dalam pembinaan sesebuah projek dan kerja-kerja hanya bermula apabila tugas-tugas mereka telah ditetapkan. Semua kerja itu akan dijalankan serentak," katanya.

Ketika berucap merasmikan Pameran Pembangunan Malaysia 1983 di sini semalam, Datuk Dr Neo berharap sektor pembinaan menimangkan konsep baru yang telah pun dijalankan di beberapa negara.

Dua puluh dua negara menyertai pameran anjuran Syarikat AR Format Sdn Bhd memamerkan kira-kira 250 jenis bahan binaan.

## Tugas

Datuk Dr Neo berkata, selakut ini tidak ada penyelarasan di sektor pembinaan dan inilah yang menyebabkan sesuatu projek selalunya terlambat.

Beliau berharap sektor swasta akan memberi sumbangan sewajarnya dan menjalankan kerja-kerja berdasarkan konsep itu.

"Masanya sudah sampai bagi semua pihak yang terlibat bekerjasama menayakan konsep itu kerana Malaysia mempunyai potensi yang luas dalam industri pembinaan," ujarnya.

Datuk Dr Neo juga menggesa sektor itu mengikut perkembangan masa memajukan teknologi-teknologi baru dan mengekskam mutu



● Datuk Dr Neo mendengar penjelasan mengenai bahan binaan semasa melawat gerai di Pameran Pembangunan Malaysia.

# Sektor pembinaan digesa gunakan konsep modular

kerja yang tinggi untuk faedah rakyat.

Katanya, ini penting kerana perusahan binaan dan bangunan akan menjadi satu sektor penting dalam usaha memupuk pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Sektor ini pernah mengalami pertumbuhan yang pesat dalam tahun 1980 dan 1981, masing-masing pada kadar 17.7 peratus dan 13 peratus.

Tahun lalu, ia meningkat dengan kadar 8 peratus meskipun terjejas akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Katanya, sektor itu juga dapat mewujudkan industri sampingan seperti pembuatan alat-alat binaan dan perniagaan runcit yang dapat membantu meningkatkan ekonomi negara dan mungkin menamatkan kemelesatan ekonomi lebih awal.

Sementara itu, Menteri Kerja Raya, Datuk S. Sany Vellu ketika merasmikan Pameran Peralatan Malaysia (Malquip) 1983 di sini semalam, menyeru pengusaha jentera berat tempatan dan asing bekerjasama menayakan konsep "Persyarikatan Malaysia".

"Malaysia mempunyai kemudahan dan suasananya yang sesuai untuk men-

jadi sebuah negara yang mengeluarkan alat-alat jentera," katanya.

Menurut Datuk Sany, syarikat-syarikat usahasama antara pengusaha tempatan dan asing dapat diwujudkan dan memberi manfaat kepada kedua pihak dan juga menyumbangkan kepada pembangunan negara.

Beliau memberi jaminan bahawa sektor itu tetap berkembang meski-

kin kemungkinan besar pruntukan untuk industri jentera berat bagi 1984 dan 1985 akan dipotong berikutan kemelesetan ekonomi.

Katanya, sektor pembinaan di Malaysia tetap mengalami pertumbuhan yang misalnya, sebanyak \$1,300 juta telah dibelanjakan untuk membina jalan raya dalam dua tahun pertama di bawah Rancangan Malaysia Keempat berbanding \$559 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua," jelasnya.

Pembinaan jalan raya juga meningkat kepada 2,000 kilometer sejak negara mencapai kemerdekaan berbanding 10,557 kilometer tahun 1957.